

24 OCT 1998

Ling-Kapal

PENGECEUALIAN CUKAI GALAKAN INDUSTRI PERKAPALAN TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Pengecualian cukai pendapatan terhadap beberapa aktiviti perkapalan dijangka dapat menggalakkan lebih ramai usahawan Malaysia menceburi industri perkapalan, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berkata jika lebih ramai usahawan tempatan melibatkan diri dalam industri perkapalan, lebih banyak pertukaran wang asing akan mengalir ke dalam negara.

"Sembilan peratus perdagangan adalah melalui laut dan kita kehilangan pendapatan dari sumber insurans dan cukai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pertandingan chef masakan makanan Cina sedunia di sini.

Beliau mengulas insentif baru itu ditawarkan dalam Belanjawan 1999 bagi industri perkapalan, yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Ia bertujuan untuk meningkatkan kecekapan industri perkapalan dan menambahkan muatan tanan kapal, pendapatan fret daripada carter masa dan carter perjalanan dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Katanya, Malaysia yang kini menggunakan perkhidmatan kapal pengantara untuk menghantar kargo, sepatutnya menggunakan kapal sendiri memandangkan perkhidmatan kargo telah pun berkembang di negara ini.

Mengenai jangkaan bilangan pelancong asing meningkat tahun hadapan, Ling berkata kementerianya tidak menjangka sebarang masalah dari segi pengangkutan.

"Sungguhpun begitu, kerajaan akan membantu mana-mana negeri yang menghadapi masalah pengangkutan," katanya.

Ling berkata sehingga kini jumlah teksi yang terdapat di dalam negara adalah lebih dari mencukupi.

Sebelum itu, dalam ucapan perasmianya, Ling berkata pertandingan masakan empat tahun sekali itu, akan dapat meningkatkan kualiti makanan Cina dalam negara.

Seramai 85 peserta dari sembilan negara termasuk Hong Kong, Taiwan, dan juga Amerika Syarikat mengambil bahagian dalam pertandingan itu, manakala sebanyak 16 buah restoran dan hotel mengadakan gerai untuk mempamerkan seni sajian mereka.

-- BERNAMA

NHZ RI